

07 AUG 1996

RABUKA DAN ROMBONGAN BERLEPAS PULANG

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Fiji Sitiveni Rabuka dan isteri Puan Suluweti serta rombongannya berlepas pulang malam ini selepas mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia sejak Ahad lepas.

Yang berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan "Selamat Jalan" kepada rombongan itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Menteri Pengiring Encik Idris Jusoh, Duta Besar Fiji ke Malaysia Ratu Isoa Gavididi dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Semasa berada di negara ini, Rabuka mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan Abdullah dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Abar.

Selain itu Rabuka juga melawat Perusahaan Otomobil Berhad dan Institut Teknologi MARA di Shah Alam. -- BERNAMA

RV NAK